

## SIARAN MEDIA

15 Januari 2015

UNTUK SIARAN SEGERA

### CYBERSECURITY MALAYSIA MEMBERI PENGHARGAAN KEPADA MEDIA MALAYSIA

**KUALA LUMPUR (15 Januari 2015)** - CyberSecurity Malaysia, agensi pakar keselamatan siber nasional di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Innovasi (MOSTI) hari ini meraikan sokongan berterusan daripada media Malaysia dalam "Majlis Penghargaan" di Kuala Lumpur dengan suasana yang santai. Majlis tersebut adalah jamuan lewat petang teh bertema Inggeris dengan kehadiran pengawai-pegawai dari MOSTI, serta lembaga pengarah dan pengurusan tertinggi CyberSecurity Malaysia.

Semasa Majlis Penghargaan CyberSecurity Malaysia, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin mengucapkan terima kasih kepada media dan mengumumkan penyampaian plak dan sijil kepada media yang mencatatkan 'sokongan terbanyak' dalam enam kategori Media yang Paling Menyokong inisiatif CyberSecurity Malaysia. "Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada media. Diharap kalian sudi menerima Plak dan Sijil ini sebagai tanda 'Penghargaan Terbesar' dari MOSTI dan CyberSecurity Malaysia."

"Ancaman siber yang semakin bertambah dan mencabar, memerlukan penglibatan daripada seluruh masyarakat untuk mewujudkan persekitaran siber yang lebih selamat – dari kerajaan serta penguatkuasaan undang-undang ke sektor swasta dan yang paling penting adalah pengguna individu. Usaha CyberSecurity Malaysia untuk mendekati kedua-dua sektor awam dan swasta tidak mungkin dapat dicapai tanpa kerjasama dan minat daripada industri media di Malaysia", beliau berkata.

Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Mohd Azumi bin Mohamed (Bersara), Pengurus Ahli Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia berkata, "Ketepatan adalah norma asas kewartawanan beretika. Laporan yang tidak tepat boleh menjelaskan berita penting dan mengelirukan orang ramai. Ketepatan semakin mencabar memandangkan berita kini disiarkan melalui perantaraan internet. Dengan kebangkitan media dalam talian, berita



Securing Our Cyberspace



**CyberSecurity Malaysia**  
(726630-U)



T +603 8992 6888  
F +603 8992 6841  
H 1 300 88 2999

Corporate Office:  
Level 5, Sapura@Mines  
No 7, Jalan Tasik  
The Mines Resort City  
43300 Seri Kembangan  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia.  
[www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)

terkini boleh dikongsi dengan orang ramai dalam masa beberapa saat. Oleh yang demikian, agensi-agensi berita mesti memastikan laporan mereka adalah tepat dan fakta dipersahkan. Kelajuan dan ketepatan perlu diseimbangkan.” Beliau juga berkata bahawa pengarang-pengarang dan wartawan-wartawan hendaklah terus meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai isu-isu keselamatan siber di Malaysia dengan menerbitkan artikel yang berasaskan kajian pakar bertauliahan dan program-program yang berinformasi.

Kategori Media Paling Menyokong CyberSecurity Malaysia adalah seperti berikut:

**1. 2014 SYARIKAT MEDIA YANG PALING MENYOKONG**

- **Kumpulan Media Prima**

**2. 2014 MEDIA PENCETAKAN YANG PALING MENYOKONG – SURAT KHABAR**

- **Harian Metro**

**3. 2014 MEDIA PENCETAKAN YANG PALING MENYOKONG – MAJALAH / TERBITAN BERKALA**

- **Computerworld Malaysia**

**4. 2014 MEDIA ATAS TALIAN YANG PALING MENYOKONG**

- **New Straits Times Atas Talian**

**5. 2014 MEDIA PENYIARAN YANG PALING MENYOKONG – TV**

- **TV 1 (RTM)**

**6. 2014 MEDIA PENYIARAN YANG PALING MENYOKONG – RADIO**

- **Bernama Radio 24**

~ Tamat ~

---

**CyberSecurity Malaysia** is the national specialist centre for cyber security, under the purview of the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). For additional information, please visit our website at <http://www.cybersecurity.my>. For general inquiry, please email to [info@cybersecurity.my](mailto:info@cybersecurity.my). Stay connected with us on social networks: facebook/ CyberSecurityMalaysia, twitter/cybersecuritymy, youtube/cybersecuritymy, instagram/CyberSecurity\_Malaysia.

*For further enquiries about this document, please email: [media@cybersecurity.my](mailto:media@cybersecurity.my) or call +603-89926888, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978) or Sandra Isnaji (ext: 6977)*